



Buletin

SEDA
MENYELAMAT
999

"CEPAT DAN MESRA"

BIL 1/2013 ISSN 1985-0859

BOMBA

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Fire and Rescue Department of Malaysia



MAJLIS PENYERAHAN
JENTERA BOMBA DAN PELANCARAN OPS TAHUN BARU CINA
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



PERBARISAN TAHUNAN 2013
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH NEGERI BIL. 1/2013
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Kandungan

- | | |
|---|--|
| <p>3 KUNJUNGAN HORMAT YAS KETUA PENGARAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA KE PEJABAT DATUK BANDAR KUALA LUMPUR</p> <p>4 MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH PROJEK PEMBINAAN SEMULA RUMAH TERBAKAR DI KAMPUNG GEDOK SAWAH, GEMENCHEH, NEGERI SEMBILAN</p> <p>5 MAJLIS PEMAKAIAN TANDA PANGKAT PENGUASA BOMBA GRED KB 48 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA</p> <p>6 MAJLIS TAMAT LATIHAN KURSUS DIPLOMA LANJUTAN SAINS KEBOMBAAN SIRI 1/2012, JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA</p> <p>8 MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1434H/2013M</p> <p>9 MAJLIS PELANCARAN PEMBINAAN SEMULA RUMAH TERBAKAR "STRATEGI LAUTAN BIRU NEGARA" MY BEAUTIFUL NEIGHBOURHOOD KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN DI BUKIT RAMBAI MELAKA</p> <p>10 MAJLIS PENYERAHAN BANGUNAN IBU PEJABAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI TERENGGANU</p> <p>11 STRATEGI LAUTAN BIRU 8: MY BEAUTIFUL MALAYSIA: VOLUNTERISM DAY DI GUNUNG KERIANG, KEDAH</p> <p>12 MAJLIS PENYERAHAN JENTERA BOMBA DAN PELANCARAN OPS TAHUN BARU CINA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA</p> <p>14 MAJLIS PENYERAHAN JENTERA BOMBA DAN KENDERAAN BOMBA SUKARELA UNTUK JBPM NEGERI KEDAH, PULAU PINANG DAN PERLIS</p> <p>15 LAWATAN MESRA YAS DATO' WAN MOHD NOR BIN HJ IBRAHIM, KETUA PENGARAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA KE BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN</p> <p>16 LAWATAN MESRA YAS DATO' WAN MOHD NOR BIN HJ IBRAHIM, KETUA PENGARAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA KE BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT MASJID TANAH, MELAKA</p> <p>17 PERTANDINGAN BOWLING PERINGKAT IBU PEJABAT, JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA</p> <p>18 MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT KEBESARAN JABATAN, ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2013 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA</p> <p>20 MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH NEGERI BIL. 1/2013 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA</p> <p>21 MAJLIS PENYERAHAN BANGUNAN IBU PEJABAT, JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA</p> <p>22 PROGRAM CERAMAH AGAMA BERSAMA YBHG. USTAZ KAZIM BIN ELIAS ANJURAN ASTRO OASIS</p> <p>23 MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT KEBESARAN JABATAN, ANUGERAH PERKHIDMATAN DAN PENYAMPAIAN SIJIL PENGHARGAAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI PAHANG</p> | <p>24 MESYUARAT PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANGUNAN NEGERI BIL.1/2013 DI SWISS GARDEN RESORT, KUANTAN, PAHANG</p> <p>25 MAJLIS PEMAKAIAN TANDA PANGKAT PENGUASA BOMBA GRED KB44 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA</p> <p>26 LAWATAN MESRA YAS DATO' WAN MOHD NOR BIN HJ. IBRAHIM, KETUA PENGARAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA KE BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT PANTAI REMIS, PERAK</p> <p>27 LAWATAN MESRA YAS KETUA PENGARAH JBPM KE BALAI BOMBA DAN PENYELEMAT PULAU PANGKOR, PERAK</p> <p>28 TAKLIMAT KAJIAN PENJAJARAN PERJAWATAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA OLEH BAHAGIAN PEMBANGUNAN ORGANISASI JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)</p> <p>29 MESYUARAT PEGAWAI-PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM NEGERI BIL. 1/2013 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA</p> <p>30 KEMPEN KESEDARAN KESELAMATAN AWAM 1 BORNEO</p> |
|---|--|

Sidang Redaksi

Penaung

YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim

Penasihat

YAS Dato' Mahadi bin Md Ali

YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof

Ketua Editor

PPjB Sobberi bin Basiran

Editor

PgKB I Lee Siew Fatt

PgB Norizan bin Saad

Pengarang

PgKB I Abd Fathulmuen bin Abd Salam

Bhg. Pengurusan Korporat

PgKB I Henderi bin Ardianyah

Bhg. Pengurusan Korporat

PgB Mohd Hafiz bin Suhaimi

JBPM Kedah

PKPgB Azman bin Husien@Hasan

JBPM Pulau Pinang

PKPgB Rozizah binti Abni Hajar

JBPM Terengganu

PKPgB Che Ku Azilizan bin Che Ku Daud

JBPM Kuala Lumpur

PKPgB Mohd Fadli bin Nik Abu

JBPM Perak

PKPgB Mohd Effendi bin K.Ramin

JBPM Sabah

PKPgB Anuar bin Hj. Hassan

JBPM Pulau Pinang

PKPgB Hafizdatullah bin Rashid

JBPM Melaka

PKPgB Ramli bin Arbaie

JBPM Negeri Sembilan

PPgB Nor Azlinda binti Mohd Ajlan

Bhg. Pengurusan Korporat

PKB I Zulkifli bin Abdullah

JBPM Selangor

Fotografi

PB Khairul Azmi bin Mohd Noor

PB Syed Fitri bin Syed Abas

PB Mohd Hanafi bin Baharudin

Unit Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Negeri-Negeri

Seluruh warga Bomba dan Penyelamat Malaysia

Dialu-alukan menyumbang penulisan sama ada dalam bentuk rencana, laporan, aktiviti bulanan, pandangan atau pendapat lain-lain hal yang berkaitan dengan Jabatan. Sumbangan boleh dimajukan kepada:

Sidang Redaksi, Buletin Bomba

Bahagian Pengurusan Korporat, Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat Malaysia, Lebuh Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya

Tel : +603-8888 0036 Faks : +603-8888 0840 Emel : korporat@bomba.gov.my

Laman Web : <http://www.bomba.gov.my>



KUNJUNGAN HORMAT YAS KETUA PENGARAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA KE PEJABAT DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

19 Disember 2012 (Rabu) - YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengadakan kunjungan hormat ke YBhg Datuk Ahmad Phesal bin Talib, Datuk Bandar Kuala Lumpur pada 19 Disember 2012 (Rabu) di Bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

Kunjungan tersebut bertujuan untuk membincangkan tentang tapak pembinaan projek balai bomba dan kerjasama antara kedua belah pihak. Turut hadir pada perjumpaan tersebut ialah PKPjB Yusof bin Sidek, Penolong Ketua Pengarah, Bahagian Pembangunan dan PPjB Sukor Sani bin Hashim, Timbalan Pengarah JBPM Kuala Lumpur.



Majlis Penyerahan Kunci Rumah

Projek Pembinaan Semula Rumah Terbakar di Kampung Gedok Sawah, Gemencheh, Negeri Sembilan

21 Disember 2012 (Jumaat) - Majlis penyerahan kunci rumah projek pembinaan semula rumah terbakar (NBOS 7) yang dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah disempurnakan oleh YB Dato' Hj. Mohd Kamil bin Abd Aziz, Ahli Dewan Undangan Negeri Gemencheh, Negeri Sembilan.

Turut hadir ialah YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), YS PPjB Saadon bin Moktar, Pengarah JBPM Negeri Sembilan, PgKB I Johari bin Hj. Ahmad, Timbalan Pengarah JBPM Negeri Sembilan, Tuan Haji Razali bin Bakar, Pegawai Daerah Tampin, En. Anirwan Fauzee, Ketua Penolong Pegawai Daerah Gemas serta Pegawai-Pegawai Kanan JBPM.

Projek pembinaan semula rumah terbakar milik Puan Norlia binti Jaudin di Kampung Gedok Sawah, Gemencheh Negeri Sembilan dibina semula oleh pegawai dan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan.



Majlis Pemakaian Tanda Pangkat Penguasa Bomba Gred KB 48 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



4 Januari 2013 (Jumaat) - Majlis Penutupan Kursus Pemangku Penguasa Bomba Gred KB48 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada 4 Januari 2013 di Hotel Concorde, Shah Alam, Selangor

Di dalam majlis tersebut seramai 38 orang peserta kursus telah berjaya menamatkan kursus dengan jayanya. Dengan kejayaan tersebut diharapkan kesemua peserta kursus dapat memberikan komitmen yang tinggi bagi merealisasikan visi dan misi jabatan.



MAJLIS TAMAT LATIHAN KURSUS DIPLOMA LANJUTAN SAINS KEBOMBAAN SIRI 1/2012

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



8 Januari 2013

(Selasa) bersamaan 25

Safar 1434H - Majlis Tamat Latihan

Kursus Diploma Lanjutan Sains Kebombaan Siri 1/2012 telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Majlis tersebut telah diadakan di perkarangan Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada 8 Januari 2013 (Selasa). Turut hadir di majlis tersebut ialah YAS Dato' Mahadi bin Md Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Penolong-Penolong Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah Negeri serta Pegawai-pegawai kanan JBPM.

Peserta Kursus tersebut telah memulakan latihan di Akademi Bomba dan Penyelamat Wakaf Tapai, Terengganu pada 2 Mei 2012. Seramai 27 pelatih telah berjaya menamatkan kursus dengan jayanya dan dua (2) orang pelatih iaitu Mohd Khairul Rizal bin Yahya telah dianugerahkan (Teori Terbaik dan Keseluruhan Terbaik) dan Mohd Suhami bin Md Akhir dianugerahkan (Praktikal Terbaik)



**MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN
KURSUS DIPLOMA LANJUTAN SAINS KEBOMBAAN
SIRI 1/2012**



diumumkan oleh
TAS DATO' WAN MOHD NOR BIN HJ. IBRAHIM
KETUA PENGRAH
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

pada
1 JANUARI 2012

Sepanjang menjalani latihan, peserta telah didedahkan dengan berbagai kaedah dan teknik untuk tujuan memberi pendedahan awal tentang tugas dan tanggungjawab yang harus mereka laksanakan.

**MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN
KURSUS DIPLOMA LANJUTAN SAINS KEBOMBAAN
SIRI 1/2012**



**MAJLIS PERBARISAN TAMAT LATIHAN
KURSUS DIPLOMA LANJUTAN SAINS KEBOMBAAN
SIRI 1/2012**



diumumkan oleh
TAS DATO' WAN MOHD NOR BIN HJ. IBRAHIM
KETUA PENGRAH

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

pada
5 JANUARI 2012 (SELAH)

TERIMA SAMA

SEDAH

MENYALINGA

999

Latihan Ke Arah Kecemerlangan



MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1434H/2013M

Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan Tahun 1434H/2013M telah diadakan pada 24 Januari 2013 (Khamis) di Dewan Solat Utama, Masjid Putra, Putrajaya. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasim Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah. Sambutan pada kali ini bertemakan "Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah".

Turut hadir ialah YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri; YBhg. Tun Datuk Seri Panglima Haji Sakaran bin Dandai; YBhg. Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi; YBhg. Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid; YBhg. Tun Dato' Seri Zaki bin Tun Azmi, YB Senator Mejari Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengurus Jawatankuasa Induk Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan Tahun 1434H/2013M, YB Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim dan tetamu-tetamu kenamaan yang lain.

Majlis sambutan itu turut disertai lebih 13,000 peserta termasuk kakitangan kerajaan, badan berkanun, pertubuhan swasta, golongan pelajar, badan bukan kerajaan (NGO) dan orang ramai. Kontinjen Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengambil bahagian dalam perarakan Maulidur Rasul, yang bermula dari bangunan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Putrajaya dan turut diiringi oleh alunan selawat kepada Baginda Nabi S.A.W.

Pada majlis itu juga, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenan menyampaikan anugerah Maulidur Rasul kepada sembilan (9) penerima anugerah yang terbahagi kepada dua (2) kategori. Penerima Anugerah Perdana Maulidur Rasul bagi tahun 2013 ialah YBhg. Dato' Sri Haji Anis bin Haji Abot, Mantan Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak dan Mantan Mufti Negeri Sarawak, dengan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM50,000.00, sijil dan plak serta hadiah iringan Mashaf al-Quran dan set Kitab Tafsir Fi-Zilalil Quran yang bernilai RM 3,000.00.

Kontinjen Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pula telah berjaya mendapat tempat ke-dua perarakan kontinjen terbaik kategori badan beruniform.





MAJLIS PELANCARAN PEMBINAAN SEMULA RUMAH TERBAKAR “STRATEGI LAUTAN BIRU NEGARA” MY BEAUTIFUL NEIGHBOURHOOD KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

25 Januari 2013 (Jumaat) - YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Pembinaan Semula Rumah Terbakar “Strategi Lautan Biru Negara” My Beautiful Neighbourhood di Bukit Rambai, Melaka.

Turut hadir ialah YS TPjB Dato' Soiman bin Jahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, YS PKPjB Mohamad Hamdan bin Wahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, YS PPjB Zainuddin bin Md. Alip, Pengarah JBPM Negeri Melaka serta pegawai-pegawai kanan jabatan. Strategi Lautan Biru Negara atau Nasional Blue Ocean Strategy (NBOS) adalah satu inisiatif kerajaan untuk menerajui Negara ke arah sebuah negara maju, berpendapatan tinggi, harmoni dan sejahtera dalam semua aspek. Objektif utama projek ini adalah untuk menyiapkan ses sebuah rumah dalam jangkamasa yang singkat dengan kos yang rendah.

Projek pembinaan semula rumah milik En. Gilbert Tessenseon yang telah musnah akibat terbakar pada 27 Disember 2012 telah dibina semula oleh anggota bomba JBPM Negeri Melaka. YAS Ketua Pengarah melancarkan gimik membina semula rumah tersebut dengan menyusun batu bata pada dinding rumah berkenaan. Majlis diakhiri dengan sesi sidang media dan jamuan ringan.



Objektif utama projek ini adalah untuk menyiapkan sebuah rumah dalam jangkamasa yang singkat dengan kos yang rendah.



MAJLIS PENYERAHAN BANGUNAN IBU PEJABAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI TERENGGANU



28 Januari 2013 (Isnin) - Majlis Penyerahan Bangunan Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu telah diadakan pada 28 Januari 2013 di Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh Ar. Azman bin Md. Hashim, Pengarah Cawangan Pelaksanaan dan Penyelenggaraan Projek, mewakili Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YS PPjB Md. Salleh bin Sarbini, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Terengganu, Tuan Haji Rosslan bin Ramli, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Cawangan Pelaksanaan dan Penyelenggaraan Projek Wilayah Timur, PgKB I Rozihan Anwar bin Mamat, Bahagian Pembangunan dan Encik Shahabudin bin Nurdin, Pengarah Urusan, Pintas Utama Sdn. Bhd.



Bangunan Ibu Pejabat, JBPM Negeri Terengganu mula dibina pada bulan November 2010 dan siap dibina pada penghujung bulan Disember 2012. Bangunan yang bernilai RM 14.5 juta ini adalah merupakan salah satu projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-9. Dijangkakan bangunan baru ini akan mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Mei 2013 dengan kemudahan, keselesaan dan kelengkapan yang optimum bagi membolehkan pegawai-pegawai jabatan memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang dan berkualiti kepada masyarakat, *stake holder* dan pelanggan jabatan.

STRATEGI LAUTAN BIRU 8:

MY BEAUTIFUL MALAYSIA: VOLUNTERISM DAY DI GUNUNG KERIANG, KEDAH



Tujuan program tersebut ialah untuk menyemai semangat sukarela di kalangan belia dan menggalakkan penyertaan sukarelawan untuk menjaga dan memelihara keindahan kejiranan masing-masing serta meningkatkan kerja secara berpasukan.



Pada 3 Februari 2012 (Ahad) bersamaan dengan 22 Rabiulawal 1434H- YAB Dato' Seri Ustaz Azizan bin Abdul Razak, Menteri Besar Kedah telah menyempurnakan Majlis Pelancaran My Beautiful Malaysia: Volunteerism Day peringkat Negeri Kedah di Gunung Keriang, Kedah yang merupakan Program National Blue Ocean Strategy (NBOS 8). Turut hadir pada majlis tersebut ialah YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Dato' Paduka Haji Ahmad Bashah, ADUN Bakar Bata, YBhg. Dato' Paduka Haji Rasli Basir, Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, YBhg. Datuk Arpah binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YAS Dato' Wan Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YS PKPjB Ahmad bin Shahabuddin, Pengarah JBPM Negeri Kedah serta pegawai-pegawai kanan JBPM Negeri Kedah.





MAJLIS PENYERAHAN JENTERA BOMBA DAN PELANCARAN OPS TAHUN BARU CINA

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Jentera Bomba dan Kenderaan Bomba Sukarela Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada 5 Februari 2013 (Selasa) di Perkarangan Balai Bomba dan Penyelamat Shah Alam, Selangor. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menerima 100 unit Fire Rescue Tender (FRT) bernilai RM171 juta, lima unit Prime Mover Vehicle (PMV) bernilai RM2.43 juta serta 30 unit Volunteer Fire Response Vehicle (VFRV) bernilai RM3.65 juta melalui "Rolling Plan ke- 2", Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10).

Turut hadir pada majlis tersebut ialah YBhg. Datuk Arpah binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YAS Dato' Mahadi bin Md Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), YS Penolong-Penolong Ketua Pengarah, YS Pengarah-Pengarah Negeri dan Pegawai-Pegawai Kanan JBPM.



YB Menteri telah menerima replika jentera bomba dan kenderaan bomba sukarela daripada pihak pembekal sebagai simbolik penyerahan jentera dan kenderaan tersebut. Di dalam majlis yang sama YB Menteri turut melancarkan Ops Tahun Baru Cina Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan disaksikan dif-dif kehormat dan tetamu jemputan. YB Menteri turut meluangkan masa menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan mewarna Kelab 3K yang telah bermula pada awal pagi sebelum majlis berlangsung.





MAJLIS PENYERAHAN JENTERA BOMBA DAN KENDERAAN BOMBA SUKARELA UNTUK JBPM NEGERI KEDAH, PULAU PINANG DAN PERLIS

Majlis Penyerahan Jentera Bomba dan Kenderaan Bomba Sukarela JBPM Negeri Kedah, JBPM Negeri Pulau Pinang dan JBPM Negeri Perlis telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia pada 8 Februari 2013 (Jumaat) di Balai Bomba dan Penyelamat Alor Setar.

Turut hadir di majlis tersebut ialah YBhg Datuk Arpah binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YS TPjB Dato' Soiman bin Jahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, YBhg Dato' Latt Shariman bin Abdullah, Pegawai Tugas-Tugas Khas YAB Perdana Menteri Malaysia, YS PKPjB Azmi bin Tamat, Pengarah JBPM Negeri Pulau Pinang, YS PKPjB Ahmad bin Shahabuddin, Pengarah JBPM Negeri Kedah, YS PgKB I Fadzil bin Haroon, Pengarah JBPM Negeri Perlis, Pengerusi-Pengerusi Pasukan Bomba Sukarela Negeri Pulau Pinang, Negeri Kedah, Negeri Perlis serta Pegawai-Pegawai Kanan JBPM.

Majlis tersebut bermula dengan pemeriksaan perbarisan kehormat oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia dengan diiringi oleh PPjB Abu Obaidat bin Mohamad, Timbalan Pengarah JBPM Negeri Kedah. Di majlis tersebut, YB Menteri KPKT telah meyerahkan replika kunci Jentera Bomba Fire Rescue Tender (FRT) kepada Pengarah JBPM Negeri Kedah, Pengarah JBPM Negeri Pulau Pinang dan Pengarah JBPM Negeri Perlis. Seterusnya YB Menteri menyerahkan replika kunci kepada Pengerusi-Pengerusi Pasukan Bomba Sukarela yang menerima Kenderaan Pasukan Bomba Sukarela Volunteer Fire Response Vehicle (VFRV) jenis Mitsubishi Triton Light Turbo.

Majlis pada pagi tersebut diakhiri dengan sidang media dan jamuan bersama dif-dif jemputan serta masyarakat.





LAWATAN MESRA

YAS DATO' WAN MOHD NOR BIN HJ. IBRAHIM

**KETUA PENGARAH, JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
KE BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN**

15 Februari 2013 (Khamis) bersamaan dengan 4 Rabiulakhir 1434H Balai Bomba dan Penyelamat Port Dickson, Negeri Sembilan telah menerima lawatan daripada YAS Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang telah disambut oleh PPgB Sabri bin Roslan, Ketua Balai BBP Port Dickson.

Lawatan tersebut telah memberi peluang kepada semua pegawai bomba yang bertugas di BBP Port Dickson mengadakan sesi dialog dengan YAS Ketua Pengarah serta memberi pendapat tentang kemajuan Jabatan serta hala tuju ke arah “High Performance Organisation”.

YAS Ketua Pengarah mengucapkan tahniah atas kejayaan pegawai-pegawai bomba daripada BBP Port Dickson yang telah memenangi pertandingan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat kebangsaan Tahun 2012 serta Anugerah Khas Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada November 2012.

Dalam lawatan tersebut juga, YAS Ketua Pengarah telah meluangkan masa turut membantu menyediakan menu ikan bakar dan hidangan istimewa iaitu “Nasi Ambeng”.

Turut hadir adalah YS TPjB Dato' Soiman bin Jahid, Penolong Ketua Pengarah Operasi Kebombaan dan Penyelamat, YS PPjB Saadon bin Moktar, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan, PgKB I Norizan bin Sulaiman, Ketua Unit Disiplin, En. Syamsul Bahar bin Sajian, Cawangan Sumber Manusia, PgKB I Johari bin Hj Ahmad, Timbalan Pengarah JBPM Negeri Sembilan serta pegawai kanan jabatan.





LAWATAN MESRA

YAS DATO' WAN MOHD NOR BIN HJ. IBRAHIM

KETUA PENGARAH, JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
KE BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT MASJID TANAH, MELAKA

YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim telah mengadakan lawatan mesra ke Balai Bomba dan Penyelamat Masjid Tanah, Melaka pada 15 Februari 2013 (Jumaat). Turut hadir ialah YS TPjB Dato' Soiman bin Jahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, YS PPjB Hj. Zainuddin bin Md Alip, Pengarah JBPM Negeri Melaka, PgKB I Sohaimi bin Mohamed, Timbalan Pengarah JBPM Negeri Melaka serta Pegawai-Pegawai Kanan JBPM.



Lawatan mesra ini bertujuan beramah mesra disamping merapatkan hubungan silaturahim antara pucuk pimpinan jabatan dengan pegawai-pegawai di balai. Semasa lawatan tersebut, YAS Ketua Pengarah telah menyampaikan ucapan dan amanat untuk merealisasikan impian jabatan agar semua pegawai bomba sentiasa berprestasi tinggi seiring dengan visi dan misi jabatan. Lawatan tersebut diakhiri dengan jamuan makan dan sesi bergambar.

Sesungguhnya dengan kehadiran YAS Ketua Pengarah ini telah menjadi inspirasi atau semangat kepada semua pegawai bomba supaya menjalankan tugas dengan lebih cekap dan berkesan.



PERTANDINGAN BOWLING

IBU PEJABAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

23 Februari 2013 (Sabtu) - Pertandingan Bowling Peringkat Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah diadakan pada 23 Februari 2013 (Sabtu) di ARL Bowling Alamanda, Putrajaya yang dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan dan Bahagian Pengurusan Korporat. Pertandingan tersebut telah dirasmikan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.



Turut hadir ialah YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), YS TPjB Dato' Soiman bin Jahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, YS PKPjB Othman bin Abdullah, Pengarah JBPM Negeri Selangor, YS PgKB I Md. Hilman bin Abd Rashid, Pengarah JBPM Putrajaya serta pegawai-pegawai kanan jabatan.

Pemenang pertandingan untuk kategori VIP telah dimenangi oleh YS PgKB I Md Hilman bin Abd. Rashid, Pengarah JBPM Putrajaya, Kategori Lelaki dimenangi oleh PB Jusoh bin Mamat, BBP Putrajaya dan kategori wanita dimenangi oleh PB Nor Amizah bin Ghafur juga daripada JBPM Putrajaya. Tujuan pertandingan tersebut ialah untuk meningkat semangat kesukanan di antara satu sama lain serta dapat mengeratkan hubungan pengurusan tertinggi dengan pegawai-pegawai jabatan.





MAJLIS PENGANUGERAHAN

PINGAT KEBESARAN JABATAN, ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2013

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

28 Februari 2013 (Khamis) bersamaan 17 Rabiuulakhir 1434H - Majlis Penganugerahan Pingat Kebesaran Jabatan, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang serta Sambutan Tahun Baru Cina 2013 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang bertemakan "Modal Insan Progresif Menjana Jabatan Berprestasi Tinggi" telah diadakan pada 28 Februari 2013 (Khamis) pukul 8.30 pagi di Dewan A, Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Wan bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Bersempena dengan majlis tersebut, YAS Ketua Pengarah JBPM telah menyampaikan Pingat Kebesaran Jabatan kepada tujuh (7) Pegawai Bomba dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada 64 orang penerima.



Turut diadakan sempena penganugerahan tersebut adalah Majlis Sambutan Tahun Baru Cina 2013 yang dihadiri YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta YBhg. Datuk Arpah binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPCT. Majlis tersebut turut dimeriahkan dengan persembahan tarian singa dan persembahan kombo JBPM.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Ketua-Ketua Jabatan KPCT, Penolong-Penolong Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah Negeri, Pegawai Kanan JBPM serta warga Ibu Pejabat JBPM Putarjaya.



MESYUARAT **PENGARAH-PENGARAH NEGERI** BIL. 1/2013 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA




Mesyuarat Pengarah-Pengarah Negeri Bil. 1/2013 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Tanjung, Ibu Pejabat JBPM Putrajaya pada 26 hingga 28 Februari 2013. Mesyuarat dipengerusikan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Mesyuarat yang diadakan pada kali ini telah membincangkan Pelan Strategik Jabatan dan Program Tahunan 2013. Taklimat Pelaporan Sasaran Kerja Tahunan 2013 melalui Sistem HRMIS telah disampaikan oleh YAS Dato' Mahadi bin Md. Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi). Sempena mesyuarat tersebut juga turut diadakan ceramah mengenai Managing Of Organization Change oleh Dr. Abdul Rahman, Konsultan TRD Edu dan ceramah Blue Ocean Strategik oleh Puan Sivanesvary, Timbalan Pengarah Blue Ocean Strategic INTAN.

Turut hadir adalah YAS Dato' Mahadi bin Md Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Penolong-Penolong Ketua Pengarah serta semua Pengarah-Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri-Negeri.

Sempena mesyuarat tersebut juga turut diadakan ceramah mengenai Managing Of Organization Change oleh Dr. Abdul Rahman, Konsultan TRD Edu dan ceramah Blue Ocean Strategik oleh Puan Sivanesvary, Timbalan Pengarah Blue Ocean Strategic INTAN.

MAJLIS PENYERAHAN **BANGUNAN IBU PEJABAT** JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



1 Mac 2013 (Jumaat) bersamaan dengan 18 Rabulakhir 1434H - Majlis penyerahan Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah diadakan pada 1 Mac 2013 (Jumaat) pada pukul 10.00 pagi oleh Puan Norhayati binti Hj. Ibrahim, Penguasa Projek Jabatan Kerja Raya kepada YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Turut hadir ialah YAS Dato' Mahadi bin Md. Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Puan Norhayati binti Hj. Ibrahim, Penguasa Projek Jabatan Kerja Raya, Ir. Abdul Rahim, Pengarah Pivotal Achievement Sdn Bhd - RD Resources Sdn Bhd JV, En. Ahmad Bin Saad Jurutera Awam dan struktur, En Mohd Khairil bin Mat Hassan, Juruukur Bahan AMD Associate, Ar. Mohd Khir@Hamim bin Ahmad, En Tajuddin Bin Wahab, Pn Suhaida Ghani, Arkitek-Arkitek Ilham Karya, Penolong-Penolong Ketua Pengarah Bahagian, Pengarah-Pengarah Negeri, pegawai-pegawai kanan serta kakitangan JBPM.

Majlis dimulakan dengan ucapan aluan oleh Puan Norhayati bin Hj. Ibrahim, Penguasa Projek Jabatan Kerja Raya, Penyampaian Sijil Perakuan Siap Kerja, Menandatangani Dokumen Penyerahan, Penyerahan Replika Kunci, Penyampaian Cenderahati serta sesi bergambar. Bersempena dengan majlis tersebut juga telah diadakan majlis bacaan Surah Yasin dan Tahlil bagi memberkati upacara yang diadakan.



**PROGRAM CERAMAH AGAMA BERSAMA
YBHG. USTAZ
KAZIM BIN ELIAS
ANJURAN ASTRO OASIS**

Pada 1 Mac 2013 (Jumaat) bersamaan dengan 18 Rabiuulakhir 1434H telah berlangsung program ceramah agama bersama YBhg. Ustaz Kazim bin Elias di Balai Bomba dan Penyelamat Simpang Pulai, Perak yang bertajuk "Suami Soleh, Isteri Solehah". Turut hadir ialah YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YS PPjB Sobberi bin Basiran, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Pegurusan Korporat, YS PKPjB Hj. Yahya bin Madis, Pengarah JBPM Negeri Perak, YS PgKB I Md. Hilman bin Abd Rashid, Pengarah JBPM Putrajaya, Tuan Hj. Nor Azmi bin Mohd Jamal, Pengarah Bahagian Kejuruteraan Jentera, pegawai-pegawai dari JBPM Negeri Selangor, Pulau Pinang, PERISMA Negeri Perak dan masyarakat setempat.

Majlis dimulakan dengan bacaan tahlil ringkas, solat maghrib dan solat Isyak secara berjemaah. Kehadiran tetamu untuk menjayakan program tersebut ialah dianggarkan seramai 1,300 orang. Ceramah pada malam tersebut berkisar mengenai sifat mulia Rasullullah S.A.W sebagai suami melayan isteri-isteri baginda. Perkara ini perlu dicontohi oleh umat baginda di dunia kini walaupun sibuk dengan tugas-tugas harian serta perlu sentiasa memupuk dan menanam sifat kasih sayang antara suami dan isteri. Majlis tersebut diakhiri dengan jamuan ringan dengan masyarakat setempat.

CERAMAH AGAMA
bersama USTAZ KAZIM BIN ELIAS AL-HAFIZ
"Suami Soleh, Isteri Solehah"

JUMAAT, 1 MAC 2013 bersamaan 18 RABIUULAKHIR 1434H jam 8.00 MALAM
BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT SIMPANG PULAI

ASTRO OASIS dengan kerjasama JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI PERAK

A photograph of a man in a dark uniform and cap speaking into a microphone from behind a podium. The podium has a red cloth draped over it. In front of the podium, there is a bottle of water and some papers. The background shows a stage setup with curtains and other equipment.

MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT KEBESARAN JABATAN, ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN PENYAMPAIAN SIJIL PENGHARGAAN

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI PAHANG



5 Mac 2013 (Selasa) - Majlis Penganugerahan Pingat Kebesaran Jabatan, Pemakaian Tanda Pangkat, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Penyampaian Sijil Penghargaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada 5 Mac 2013 di Swiss Garden Resort Kuantan. Seramai 34 orang pegawai telah menerima Pingat Kebesaran Jabatan, tiga (3) orang daripada pihak media manakala untuk pemakaian tanda pangkat seramai 60 orang pegawai serta 69 orang pegawai untuk Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.

Turut hadir ialah YS PKPjB Dato' Abdul Wahab bin Md Yassin, Pengarah JBPM Negeri Pahang, PPjB Nazili bin Hj. Mahmood serta pegawai-pegawai kanan JBPM Negeri Pahang. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar.



MESYUARAT PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANGUNAN NEGERI

BIL.1/2013 DI SWISS GARDEN RESORT KUANTAN, PAHANG



Mesyuarat Pegawai-Pegawai Pembangunan Negeri Bil.1/2013 yang diadakan pada 4 hingga 6 Mac 2013 di Swiss Garden Resort Kuantan, Pahang telah disempurnakan perasmianya oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Turut hadir ialah YS PKPjB Yusof bin Sidek, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan, YS PKPjB Dato' Abdul Wahab bin Md. Yassin, Pengarah JBPM Negeri Pahang, semua Timbalan Pengarah JBPM Negeri, Pegawai-Pegawai Kanan Bahagian Pembangunan serta pegawai-pegawai kanan JBPM.

Antara agenda mesyuarat tersebut adalah mengenai prosedur dan arahan mengenai Penyelenggaraan Balai dan Kuarters, Perolehan dan Pemantauan Tapak Tanah Jabatan. Selain daripada itu, taklimat mengenai Pemberimilikan Tanah oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian dan Tatacara Penyelenggaraan Aset Tak Alih Kerajaan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Lumpur.





MAJLIS PEMAKAIAN TANDA PANGKAT PENGUASA BOMBA GRED KB44

8 Mac 2013 (Isnin)

bersamaan dengan 25 Rabiulakhir 1434H- YAS Dato' Wan Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menyempurnakan Majlis Pemakaian Tanda Pangkat Penguasa Bomba Gred KB 44 di Hotel Sama-Sama, KLIA, Sepang, Selangor.

Turut hadir ialah YAS Dato' Mahadi bin Md. Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), YS PPjB Sobberi bin Basiran, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat, YS PKPjB Khiruddin bin Drahman @ Hussaini, Pengarah JBPM Kuala Lumpur, YS PKPjB Dato' Abdul Wahab bin Md. Yassin, Pengarah JBPM Negeri Pahang, YS PKPjB Azmi bin Tamat, Pengarah JBPM Negeri Pulau Pinang, YS PPjB Md Salleh bin Sarbini, Pengarah JBPM Negeri Terengganu serta pegawai-pegawai kanan jabatan.



Di dalam majlis tersebut seramai 60 pegawai kanan berjaya menamatkan kursus dengan jayanya. Kejayaan ini akan melahirkan pegawai kanan yang berpotensi untuk merealisasikan visi dan misi jabatan ke arah seluruh jabatan berprestasi tinggi.



LAWATAN MESRA **YAS DATO' WAN MOHD NOR BIN HJ. IBRAHIM,** KETUA PENGARAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA KE BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT PANTAI REMIS, PERAK

15 Mac 2013 (Jumaat) bersamaan dengan 3 Jamadilawal 1434H - Balai Bomba dan Penyelamat Pantai Remis telah menerima lawatan mesra YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Turut hadir ialah YS TPjB Dato' Soiman bin Jahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, YS PKPjB Hj. Yahaya bin Madis, Pengarah JBPM Negeri Perak, Pengurus dan ahli Pasukan Bomba Sukarela kawasan Beruas, Bagan Banchor dan Changkat Kruing serta pegawai-pegawai kanan jabatan.



Semasa lawatan tersebut, YAS Ketua Pengarah telah membuat lawatan ke sekitar enjin bay, bilik awasan, bilik penyelia dan bilik bersedia anggota. Selain daripada itu, YAS Ketua Pengarah juga telah menyediakan menu "Udang Lipan Goreng Tepung" untuk hidangan jamuan pada majlis tersebut.

YAS Ketua Pengarah turut menyampaikan ucapan kepada semua pegawai bomba serta menerangkan mengenai insentif-insentif yang akan diperolehi oleh semua ahli Pasukan Bomba Sukarela yang berdaftar. Lawatan tersebut diakhiri dengan YAS Ketua Pengarah menandatangani buku lawatan dan sesi bergambar.

LAWATAN MESRA **YAS KETUA PENGARAH JBPM** KE BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT PULAU PANGKOR, PERAK



16 Mac 2013 (Sabtu) - YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengadakan lawatan mesra ke Balai Bomba dan Penyelamat Pulau Pangkor, Perak pada 16 Mac 2013 (Sabtu) pada pukul 8.00 malam.

Turut hadir pada lawatan tersebut ialah YS TPjB Dato' Soiman bin Jahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, YS PKPjB Hj. Yahaya bin Madis, Pengarah JBPM Negeri Perak, PKPjB Zamri bin Che Din, Ketua Sekyen Pengurusan Operasi, Pasukan Bomba Sukarela Pulau Pangkor serta pegawai-pegawai kanan jabatan.

YAS Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai kanan jabatan dibawa ke Pulau Pangkor dengan menaiki bot khas dengan kerjasama daripada pihak "Marina Bot". Semasa lawatan tersebut, YAS Ketua Pengarah telah dibawa melawat ke Bilik Awasan, Bilik Mesyuarat, sekitar Enjin Bay dan Bilik Penyelia. YAS Dato' juga memberikan sentuhan dengan menyiapkan menu ikan bakar dan lain-lain menu yang disediakan oleh pegawai BBP Pulau Pangkor.

Lawatan mesra ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan hubungan sedia ada dan sesi dialog yang merupakan platform terbaik untuk pegawai menyuarakan pendapat dan masalah kepada YAS Ketua Pengarah. Majlis pada hari tersebut diakhiri dengan sesi bergambar YAS Ketua Pengarah dengan pegawai BBP Pulau Pangkor.



TAKLIMAT KAJIAN PENJAJARAN PERJAWATAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA OLEH BAHAGIAN PEMBANGUNAN ORGANISASI JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)

19 Mac 2013 (Selasa) - Taklimat Kajian Penjajaran Perjawatan kepada Pengurusan Tertinggi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia oleh Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah diadakan di Dewan Sutera pada 19 Mac 2013. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Puan Roszanina binti Wahab, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Organisasi. Turut hadir ialah YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YS Penolong - Penolong Ketua Pengarah Bahagian, YS Pengarah-Pengarah Bomba Negeri serta Komandan-Komandan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Secara prinsipnya, objektif taklimat diadakan adalah untuk memberi penerangan dengan lebih mendalam tujuan kajian penjajaran perjawatan yang akan dilaksanakan untuk memastikan keperluan perjawatan sebenar Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia selari dengan dasar kerajaan. Selain itu, kajian juga perlu diadakan untuk menyemak semula model dan norma penjawatan JBPM yang sedia ada sejajar dengan fungsi dan struktur yang dikaji semula. Kajian penjajaran perjawatan ini akan melibatkan tempoh jangka masa bermula pada April sehingga Oktober 2013.

Berdasarkan kepada taklimat tersebut, YAS Dato' Ketua Pengarah bersetuju dengan kajian penjajaran perjawatan yang akan dilaksanakan di JBPM oleh pihak JPA. Adalah diharapkan hasil kajian penjajaran perjawatan tersebut akan dapat mengukuhkan lagi organisasi JBPM.



MESYUARAT PEGAWAI-PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM NEGERI BIL. 1/2013

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



Mesyuarat Pegawai-Pegawai Perhubungan Awam Negeri Bil. 1/2013 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah diadakan di Hotel Sri Manja, Indera Mahkota, Pahang pada 25 hingga 26 Mac 2013 yang dipengerusikan oleh YS PPjB Sobberi bin Basiran, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat. Antara agenda mesyuarat tersebut ialah untuk pembentangan pindaan Prosedur Kualiti Sokongan (PS 11), perkara-perkara yang melibatkan perkhidmatan pelanggan dan pelbagai perkara berbangkit. Mesyuarat kali ini dihadiri oleh semua Pegawai Perhubungan Awam daripada JBPM seluruh negeri.





KEMPEN KESEDARAN KESELAMATAN AWAM **1 BORNEO**

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah telah mengadakan Kempen Kesedaran Keselamatan Kebakaran di Pusat Membeli Belah, 1Borneo Hypermall. Kempen ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Hajah Jainab Datuk Seri Panglima Hj Ahmad Ayid, Pembantu Menteri Pembangunan Sumber Dan Kemajuan Teknologi Maklumat. Turut hadir, YS PKPjB Nordin bin Pauzi, Pengarah JBPM Negeri Sabah, PPjB Zuraidah binti Latip Timbalan Pengarah JBPM Negeri Sabah serta semua Pegawai Kanan JBPM Negeri Sabah.





Kempen ini adalah usaha bersepdua jabatan untuk melibatkan semua Bahagian, Zon dan Balai Bomba yang akan terlibat dalam tugas rondaan kawasan, pemeriksaan mengejut ke atas premis-premis perniagaan yang menjadi tumpuan awam semasa musim perayaan dan rondaan jalan raya sepanjang musim perayaan ini. Dalam pada itu, usaha ini juga memerlukan kerjasama daripada pihak media yang diharap dapat memberi liputan meluas tentang pentingnya masyarakat untuk menyedari akan bahaya kebakaran dan mereka perlu mengambil langkah pencegahan. Pelbagai aktiviti diadakan semasa kempen ini antaranya ialah pameran kebombaan, kuiz, edaran risalah dan bahan kempen.

Matlamat kempen keselamatan kebakaran ini ialah mengingatkan masyarakat tentang keperluan untuk berhati-hati dan mengambil tindakan yang sewajarnya demi mengutamakan langkah pencegahan kebakaran di musim perayaan ini agar kebakaran tidak berlaku.



"CEPAT DAN MESRA"



*Ibu Pejabat
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Lebuh Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya.
Tel : 603-8888 0036 / Faks : 603-8888 0840
email : korporat@bomba.gov.my
website : www.bomba.gov.my*

ISSN 1985-0859

*Diterbitkan oleh Bahagian Pengurusan Korporat
JBPM, Putrajaya.*